

# Brambles

**Polisi Kepelbagaian**

**Brambles Limited**

Disemak semula: 1 Januari 2020

Versi 2.0

## **DASAR KEPELBAGAIAN**

### **1. Konteks dan Ruang Lingkup Dasar**

Misi, Nilai-nilai Bersama dan Tatakelakuan Brambles menyediakan set prinsip yang jelas kepada semua pekerja untuk digunakan dalam kerja sehari-hari mereka.

Brambles komited terhadap keselamatan, kepelbagaian, individu dan kerja berpasukan.

Kepelbagaian ialah perkara yang perlu dalam strategi korporat Brambles dan dasar ini mencerminkan komitmen Lembaga dan Pasukan Pimpinan Eksekutif terhadap kepelbagaian tenaga kerja.

Kepelbagaian Lembaga ditangani dalam Dasar Proses Pemilihan Lembaga.

### **2. Pernyataan Visi Kepelbagaian**

Brambles komited untuk mewujudkan dan mengekalkan budaya yang memberikan prestasi dan hasil yang cemerlang.

Kepelbagaian amat penting kepada kejayaan jangka panjang Brambles. Brambles menghargai dan menggalakkan kepelbagaian kerana ia membolehkan:

- keperluan Pelanggan, pada hari ini dan juga pada masa hadapan, dikenal pasti dan dipenuhi;
- Semua pekerja berasa dihargai dan dapat memberikan prestasi terbaik mereka; dan
- Brambles mendapatkan akses kepada kumpulan bakat yang mempunyai potensi seluas mungkin.

### **3. Definisi dan manfaat Kepelbagaian**

Kepelbagaian bermaksud rangkuman - mengiktiraf segala perbezaan dari segi latar belakang, didikan, budaya dan pengalaman yang menjadikan setiap seorang daripada kita unik dan tersendiri.

Brambles komited untuk memilih, merekrut, membangunkan dan menyokong individu semata-mata berdasarkan keupayaan dan kelayakan profesional mereka, tanpa mengira bangsa, jantina, warna, kewarganegaraan atau asal usul, kelas, agama, umur, ketidakupayaan, status perkahwinan atau mana-mana status dilindungi oleh undang-undang yang terpakai.

Kita percaya bahawa tenaga kerja yang pelbagai menyediakan sumber bakat, kreativiti dan pengalaman yang terbaik. Individu dengan latar belakang dan pengalaman hidup yang berbeza-beza dapat mengenal pasti peluang dan menangani masalah dari perspektif yang berbeza.

Dengan menggalakkan kepelbagaian, kita meningkatkan potensi kita untuk menjana idea baharu dan seterusnya meningkatkan keupayaan kita untuk menyesuaikan diri terhadap perubahan.

Ini bermakna, kita dapat memahami dengan lebih baik keperluan pelanggan kita yang berbeza-beza di seluruh dunia. Dengan menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada mereka, kita memberikan pulangan yang lebih besar kepada pemegang saham kita.

Tenaga kerja yang pelbagai lebih menyeronokkan dan menarik bagi pekerja sedia ada dan bakal pekerja, mampu meningkatkan motivasi dan pengekalan pekerja.

### **4. Kepelbagaian di Brambles**

Dalam setiap negara dan budaya, Brambles berhasrat menjadi majikan terpilih yang berjaya menarik

## **Dasar Kepelbagaian**

pekerja yang paling berbakat. Kita memilih, mengekalkan dan membangunkan individu terbaik untuk sesuatu kerja berdasarkan merit dan kecekapan berkaitan kerja - tanpa diskriminasi.

Sekiranya wajar, kita akan melibatkan agensi luar untuk membantu kita mengenal pasti, memilih dan menilai calon. Brambles akan terus membangunkan program pengurusan bakat seperti:

- program Pembangunan untuk eksekutif kanan;
- program Pembangunan untuk pemimpin generasi akan datang; dan
- program Pementoran.

Pada setiap tahun, Lembaga akan mengkaji semula dan melaporkan:

- perkadaran relatif wanita dan lelaki dalam tenaga kerja pada semua peringkat;
- statistik dan trend dalam umur, kewarganegaraan dan latar belakang profesional populasi eksekutif Brambles;
- objektif boleh diukur bagi mencapai kepelbagaian jantina dan kewarganegaraan; dan
- kemajuan ke arah mencapai objektif tersebut.

Pekerja Brambles akan menunjukkan, melalui tindakan dan tutur kata mereka, bahawa menghargai dan menguruskan kepelbagaian merupakan elemen yang penting dalam budaya Brambles. Secara khusus, pekerja akan:

- Menghargai dan memupuk kesedaran kepelbagaian dalam persekitaran kerja yang terbuka dan terangkum;
- Mengamalkan toleransi sifar terhadap sebarang bentuk diskriminasi atau gangguan;
- Bersifat responsif terhadap jangkaan pekerja yang berbeza-beza, termasuk keseimbangan kerja dan kehidupan;
- Mempertimbangkan semua keputusan perekrutan semata-mata berdasarkan merit selepas menggalakkan permohonan daripada semua individu yang layak dan sesuai;
- Mempertimbangkan semua kenaikan pangkat berdasarkan prestasi, potensi dan pengamalan nilai Brambles secara aktif; dan
- Menyediakan persekitaran yang membolehkan pekerja mencapai kejayaan.

Setiap pekerja Brambles harus menghargai rakan sekerja mereka sebagai individu dan menyedari kesan tindakan dan tutur kata mereka terhadap orang lain.

Sila hubungi wakil Sumber Manusia anda sekiranya ada sebarang pertanyaan tentang dasar ini.